



22 SEP, 2026

Warisan gesa Kerajaan Sabah perkenal bantuan bil elektrik

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Warisan gesa Kerajaan Sabah perkenal bantuan bil elektrik

KOTA KINABALU: Naib Presiden Parti Warisan Datuk Junz Wong (**gambar**) menggesa Kerajaan Negeri GRS memperkenalkan bantuan bil elektrik kepada isi rumah Sabah sepertimana perlindungan subsidi yang diperluaskan kepada pengguna domestik di Semenanjung.



Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Aru itu berkata keputusan Kerajaan Persekutuan menaikkan had penggunaan elektrik yang dilindungi di Semenanjung daripada 600 kilowatt jam (kWj) kepada 800 kWj sebulan sehingga 31 Disember 2026 akan memanfaatkan lebih lapan juta isi rumah atau hampir 90 peratus pengguna domestik.

“Jika Kerajaan Persekutuan dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) boleh bertindak balas terhadap tekanan kos sara hidup rakyat dengan memberikan perlindungan lebih besar daripada kenaikan bil elektrik

maka Kerajaan Sabah juga perlu serius mempertimbangkan bentuk bantuan yang setara untuk rakyat Sabah,” katanya.

Wong berkata rakyat Sabah telah menanggung kenaikan tarif elektrik sebanyak kira-kira 15 peratus sejak Februari dengan kadar tarif asas purata meningkat daripada 34.52 sen kepada 39.70 sen bagi setiap kWj.

Katanya kesan kenaikan itu tidak seharusnya dilihat secara berasingan kerana keluarga turut berdepan peningkatan kos makanan, pengangkutan dan keperluan harian lain.

Beliau mengakui sistem bekalan elektrik Sabah beroperasi berdasarkan struktur berbeza berbanding Semenanjung namun berkata prinsip memberikan bantuan kepada isi rumah yang berdepan tekanan kos sara hidup harus kekal sama.

Wong menggesa Kerajaan GRS segera mengadakan rundingan dengan Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS) dan Sabah Electricity bagi menilai kesan kenaikan tarif Februari serta mempertimbangkan pakej bantuan sementara kepada pengguna domestik.

Beliau mencadangkan langkah seperti memperluaskan julat penggunaan yang dilindungi, meningkatkan rebat atau memperkenalkan mekanisme bantuan khusus untuk Sabah.

“Ia tidak semestinya sama dengan model TNB tetapi perlu memberikan bantuan yang bermakna kepada isi rumah biasa di Sabah,” katanya.

Wong turut menggesa Kerajaan Negeri mendedahkan kesan semakan tarif Februari mengikut kategori penggunaan isi rumah serta menjelaskan sama ada terdapat ruang fiskal untuk menyediakan bantuan tambahan.

“Ini bukan soal bermain politik dengan isu elektrik. Ia mengenai mengiktiraf tekanan kewangan yang dihadapi keluarga biasa dan bertindak sewajarnya,” katanya.

“Elektrik ialah keperluan asas, bukan kemewahan. Rakyat Sabah berhak mendapat bekalan elektrik yang mampu dibayar dan boleh dipercayai dan Kerajaan Sabah perlu melakukan segala usaha yang munasabah untuk melihat apa yang boleh dilakukan bagi rakyat kita,” katanya.